



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

05 Februari 2016 / 26 Rabiulakhir 1437H

Menjiwai Erti Kesyukuran Sebenar

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا، وَأَنْزَلَ الْقُرْآنَ
لِلْمُتَّقِينَ ذِكْرًا، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ صَلَاةً وَسَلَامًا دَائِمِينَ إِلَى يَوْمِ تَجِدُ كُلُّ نَفْسٍ مَّا
عَمِلَتْ مُحْضَرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran atas nikmat keimanan dan kehidupan yang telah Allah kurniakan kepada kita. Pada saat-saat yang penuh dengan keberkatan, kita bermohon semoga Allah s.w.t. menjadikan kita orang yang terus bertakwa kepadaNya serta berupaya untuk terus melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala tegahanNya. Moga dengan demikian kita tergolong di kalangan ahli syurga yang menuturkan kata syukur yang terakam di dalam Surah Az-Zumar ayat 74:

وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي صَدَقَنَا وَعْدَهُ، وَأَوْرَثَنَا الْأَرْضَ نَتَبَوَّأُ

مِنَ الْجَنَّةِ حَيْثُ نَشَاءُ فَنِعْمَ أَجْرُ الْعَمَلِينَ ﴿٧٤﴾

Yang bermaksud: *“Dan mereka berkata segala puji bagi Allah yang telah menepati janjinya kepada kami dan mengurniakan kepada kami kawasan di dalam syurga agar kami dapat tinggal di dalamnya di mana sahaja kami kehendaki.”*

Perkataan *“Alhamdulillah”* selalu kita sebutkan. Ia mengingatkan kita akan konsep kesyukuran dan penghargaan kepada Tuhan yang Maha Pemberi. Hanya sahaja kerana mungkin kerana terlalu sering kita melafazkannya, ada kalanya kita gagal menyadari betapa pentingnya konsep kesyukuran dalam membangun semangat dan potensi dalam diri kita.

Nilai inilah saudara, yang telah memberikan Rasulullah s.a.w. dorongan dan semangat untuk melaksanakan solat malam sehingga kakinya bengkak. Nilai inilah yang telah membangkitkan dalam diri Nabi Muhammad s.a.w. kekuatan azam untuk melakukan munajat yang luar biasa. Dalam hadith yang diriwayatkan Imam Muslim, Saidatina Aishah r.a. pernah berkata: *“Adalah Rasulullah s.a.w. bangkit untuk solat malam sehingga pecah-pecah kakinya. Lalu aku bertanya “Wahai Rasulullah, mengapa kamu melakukan ini sedangkan kamu telah diampunkan segala dosa-dosamu yang silam mahupun akan datang?”* Baginda menjawabnya dengan suatu respon

yang menggamit jiwa saudara. Nabi bersabda: “Bukankah patut aku ini [kerana itu] menjadi hamba yang banyak bersyukur [kepada Allah].”

Lihatlah saudara, Nabi s.a.w. telah dijanjikan Allah syurga dan segala keistimewaan di akhirat. Nabi telah dijamin keselamatan abadi. Menurut logik manusia seperti kita, sepatutnya apabila sudah diberi jaminan syurga, kita sudah boleh berehat dan santai kerana tidak lagi perlu bimbang akan kedudukan kita di akhirat. Oleh itulah kita dapati Saidatina Aishah bertanya soalan yang sedemikian.

Namun lihatlah maqam orang-orang yang istimewa di sisi Allah. Ternyata ibadah mereka bukanlah kerana terpaksa melakukannya. Bukan juga semata-mata kerana menginginkan tempat yang istimewa. Kerana jika itu tujuannya maka mereka akan berhenti jika telah diberikan jaminan. Akan tetapi mereka beribadah kerana didorong perasaan amat bersyukur atas segala nikmat Allah s.w.t. Semakin mereka dikurniakan nikmat semakin bersemangat mereka bermunajat mendekati diri kepada Allah. Sikap sedemikian yang perlu kita bangunkan apabila selepas ini kita mula melakukan solat Jumaat berjemaah sebagai contoh. Kita bukan melakukannya hanya semata-mata memenuhi kewajipan. Akan tetapi sujud kita adalah kerana rasa syukur dan terima kasih kita kepada Allah atas nikmat kesihatan, nikmat masih mempunyai keluarga,

nikmat masih lagi beriman kepada Allah, nikmat masih lagi dikurniakan Allah sesuap rezki. Bilakah kali terakhir kita sujud sambil berkata: *“Ya Allah, terima kasih atas segala nikmat yang telah kau kurniakan kepadaku!”*

Saudara yang saya kasihi,

Al-Imam Al-Ghazali di dalam kitabnya *“Ihya Ulumuddin”* pernah memberikan perumpamaan yang menarik bagi tiga peringkat orang yang bersyukur. Beliau mengatakan orang yang bersyukur itu ibarat orang yang menyertai rombongan raja kemudian raja itu mengurniakan kepada beliau seekor kuda.

Maka **peringkat pertama**, yang merupakan peringkat kebanyakan orang, adalah mereka akan merasa amat gembira kerana menerima kuda yang dapat digunakan sebagai tunggangan mahupun sebagai harta yang berharga. Bererti seandainya bukan raja yang mengurniakan kuda tersebut, tetapi mereka meraihnya daripada orang lain atau menjumpainya di tengah padang pasir, kegembiraannya pasti tetap sama. Ini adalah contoh syukurnya orang awam di mana kesyukuran dan kegembiraan mereka terletak pada nikmat dan bukan pengurniannya.

Golongan kedua pula adalah orang yang apabila menerima nikmat kurniaan kuda itu daripada Raja, dia merasa gembira bukan kerana kuda itu, akan tetapi kerana dia mendapat

perhatian Rajanya. Ini adalah peringkat yang lebih dekat kepada erti kesyukuran sebenar. Iaitu apabila kita menerima sebarang nikmat mahupun dugaan daripada Allah, kita merasa gembira kerana ia adalah petanda Allah masih sayangkan dan memberikan kita perhatian. Kita telah mula memusatkan kesyukuran dan kegembiraan pada pengurnia nikmat dan bukan nikmat semata-mata.

Contohnya apabila kita telah sayangkan seseorang, apa jua hadiah yang kita terima daripadanya, kita akan merasa gembira bukan kerana hadiahnya tetapi kerana merasa dihargai orang yang memberinya.

Golongan ketiga pula kata Imam Al-Ghazali yang menjiwai erti kesyukuran sebenar adalah orang yang apabila menerima kuda itu, dia akan terus berkhidmat pada Rajanya agar meraih kedudukan yang dekat dengannya. Meskipun nikmat itu ditarik balik tetapi jika beliau masih diberikan kedudukan yang akrab dengan Rajanya, maka itulah yang menjadi idamannya. Itulah syukur sebenar, semakin banyak nikmat yang Allah kurniakan kita, semakin kita gunakannya sebagai pemangkin untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Inilah serba sedikit pengenalan kepada nilai kesyukuran yang dikembangkan sepanjang bulan ini.

Semoga Allah menjadikan kita orang-orang yang bersyukur keranaNya dan untukNya. Semoga Allah menggolongkan kita di kalangan ahli syurga yang memujiNya sentiasa. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.